

'Si Tanggang Moden' salah asuhan

Ibu bapa abai didikan agama kerana anggap material, akademik penting

24 m/s 13 21.4.07

Oleh Hasliza Hassan

DIDIKAN baik diberikan kepada anak bertunjangkan prinsip ajaran agama akan melahirkan zuriat yang baik dan tahu menghargai, membalas jasa serta berkhidmat untuk kedua-dua ibu bapa.

Justeru, apabila berlaku kisah 'Si Tanggang Moden' yang menderhaka kepada ibu bapa dengan mengabaikan tanggungjawab dan sanggup pula menempatkan mereka di rumah orang tua, perlu dilihat semula sejarah pembesaran anak itu.

Timbalan Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Mohd Ridhuan Tee Abdullah, berkata kes anak mengabaikan ibu bapa berpunca daripada salah asuhan ibu bapa kepada anak mereka.

Katanya, ibu bapa hari ini kurang memberi fokus terhadap kepentingan agama dalam mendidik anak sebaliknya lebih ghairah menetapkan kejayaan dalam bidang akademik dan pencarian material.

"Ada ibu bapa fikir dia sudah cukup menjalankan tanggungjawab dengan menyediakan wang ringgit, makan minum, pakaian dan tempat tinggal. Sebenarnya tanggungjawab ibu bapa lebih besar daripada itu.

"Lebih malang apabila agama dianggap menyusahkan sebaliknya ibu bapa mengambil contoh Barat sebagai panduan membesarkan anak. Kononnya jika tidak ikut Barat nampak kuno.

"Cara didik Melayu sudah cantik. Emak kita dulu pesan, balik sebelum Maghrib sebab hari dalam Islam bermula selepas Maghrib dan berakhir tibanya waktu

kecil anak sebagai tempoh untuk bermain dan apabila meningkat umur kanak-kanak, menjadi tanggungjawab ibu bapa menerapkan disiplin kepada anak.

Islam jelas memahami keperluan anak remaja apabila ibu bapa disuruh menjadi kawan kepada anak dan pada masa sama, mengawal gerak-geri mereka supaya tidak terbabas daripada landasan agama.

Mohd Ridhuan yang aktif dalam aktiviti persatuan ibu bapa dan guru (PIBG) berkata, berdasarkan pemerhatian dan kes pelajar liar yang dikendalikannya, kebanyakan mereka berasal daripada keluarga bermasalah.

Katanya, anak yang dibesarkan dalam sebuah keluarga harmoni, menerima didikan serta asuhan nilai baik daripada ibu bapa, tidak akan terjebak dalam perkara negatif.

"Hendak tahu kenapa pelajar liar dan bermasalah, saya selalunya melihat sejarah keluarga mereka. Jika anak mendapat didikan yang baik, saya tidak nampak mereka ke arah melakukan perkara tidak baik," katanya.

Sehubungan itu katanya, masalah pengabaian ibu bapa yang berlaku dalam masyarakat hari ini adalah disebabkan kesalahan mereka sendiri yang tidak mendidik anak mengikut syariat Islam.

Bagaimanapun, katanya jika ada anak yang menderhaka kepada ibu bapa walaupun sudah diberi didikan berpandukan ajaran agama sejak kecil dan diasuh dengan baik, itu adalah ujian Allah yang perlu diterima.

Pensyarah Jabatan Bahasa al-Quran Universiti Islam Antarabangsa, Zahazan Mo-

kan dengan zakat, taat kepada Allah diikuti taat kepada Rasul manakala perintah beribadat disertakan arahan berbuat baik kepada ibu bapa.

Firman Allah yang bermaksud: *"Dan tuhanmu perintahkan supaya tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada keduanya atau kedua-duanya sekali sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaannya, maka janganlah engkau berkata kepada mereka sebarang perkataan kasar sekalipun perkataan "Ahhh..." dan janganlah engkau mengherdik mereka tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia."* (surah al-Isra', ayat 23)

Zahazan berkata, cabaran yang dihadapi masyarakat ialah bagaimana menterjemahkan suruhan Allah dalam kehidupan serba moden hari ini yang banyak meminggirkan nilai ketimuran serta adat Melayu yang memandang tinggi status ibu bapa.

Katanya, sikap tidak ambil berat masyarakat menyebabkan berlaku kepincangan dalam institusi keluarga hingga ada anak yang sanggup membiarkan ibu bapa mereka dipelihara orang lain.

"Jawapan kenapa ini berlaku ialah disebabkan kurangnya pendidikan agama, sikap mementingkan diri, terlalu mementingkan material dan tiada galakan untuk menunjukkan contoh yang baik.

"Saya tertarik dengan iklan menunjukkan bagaimana anak memberi layanan buruk kepada bapa hingga tergamak mengasingkan tempat makan dan akhirnya sedar apabila anaknya menunjukkan sikap yang dimiliki ibu bapanya.



“Ada ibu bapa fikir dia sudah cukup menjalankan tanggungjawab dengan menyediakan wang ringgit, makan minum, pakaian dan tempat tinggal. Sebenarnya tanggungjawab mereka lebih besar”

Mohd Ridhuan Tee Abdullah
Timbalan Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA)

Maghrib. Ibu bapa sekarang, balik sebelum 12 tengah malam, ikut waktu Barat," katanya.

Beliau berkata, Islam sudah menjelaskan dengan terperinci cara mendidik anak dibahagikan kepada tiga iaitu anak kecil dibawa bermain, pada umur tujuh tahun diajar disiplin dan anak remaja dijadikan kawan serta dikawal.

Ibu bapa sepatutnya menjadikan waktu

hamed, berkata selain tanggungjawab ibu bapa, anak juga mempunyai kewajipan yang perlu dilaksanakan terhadap orang tuanya.

Beliau berkata, kepentingan anak menaati, menghormati dan berbuat baik kepada ibu bapa banyak adalah perkara yang sentiasa diingatkan Allah bersama kewajipan mentauhidkan-Nya.

Katanya, suruhan solat sering digabung-

"Iklan itu berjaya menyedarkan masyarakat dan saya yakin jika diteruskan usaha menunjukkan contoh seperti itu, kesedaran betapa tingginya taraf ibu bapa itu akan terpahat di hati anak," katanya.

Katanya, ingatan itu bukan saja kepada anak, tetapi juga pasangan mereka yang mungkin disebabkan sikap tidak sukakan mentua menjadi punca kenapa anak mengabaikan kewajipan terhadap ibu bapanya.